

163 delegasi sertai Seminar Kesihatan Global FMHS UMS

MB 22 02 20 16

Oleh Yap Siong Han

FAKULTI Perubatan dan Sains Kesihatan (FMHS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Seminar Kesihatan Global kali-2 di sini baru-baru ini.

Seminar berkenaan disertai seramai 163 delegasi bagi mendengar dan saling berkongsi pandangan dalam isu-isu kesihatan melanda seluruh global ketika ini.

Seminar berkenaan dirasmikan oleh Dekan FMHS Professor Dr Mohammad Saffree Jeffree.

Dalam ucapannya, Mohammad menegaskan pentingnya masyarakat awam mendapatkan pengetahuan sewajarnya mengenai COVID-19 dalam usaha memerangi wabak berkenaan.

“Seminar kali ini diadakan tepat pada masanya memandangkan kita mampu mendapatkan ilham daripada ramai pakar bagi membincangkan serta saling bertukar maklumat berkaitan dengan penyakit-penyakit yang wujud pada masa kini.

“UMS akan bantu dan bekerjasama untuk meny-

umbang ke arah meningkatkan sistem perkhidmatan kesihatan di Sabah dan Malaysia keseluruhannya,” katanya.

Seminar berkenaan adalah acara tahunan yang dikendalikan fakulti berkenaan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas mengenai kemajuan dicapai terhadap cabaran isu kesihatan secara global.

Selain tajuk COVID-19, penyakit-penyakit lain turut dibincangkan dalam seminar yang diadakan itu.



KENANGAN: Mohammad (depan, empat kiri) bersama para peserta merakamkan gambar kenangan pada seminar berkenaan.